

## Lema That Supports Pure Values in Minangkabau Malay Poetry According to Level T's Theory

Azyantee Binti Mohd Zawawi\*

azyanzarra@gmail.com

### **Abstract**

*Research related to the lemma that supports pure values according to Levelt's Speech Production theory (1999), is less studied by researchers in Malaysia. The findings of previous studies only relate to the analysis of communication according to the output of the outer circle through the principles of Levelt's Theory of Speech Production in 2012. Therefore, this study was conducted with the aim of studying the achievement of lemma in the revelation of poems of the Minangkabau Malay community. Lemma is a term used by Levelt for lexical. The textual analysis method is used to analyze the Malay Minangkabau poems that have been selected. Minangkabau Malay poems were selected and taken from the collection of poems '1000 Petahat-Petiti, Mamang-Bidal, Pantun-Gurindam' by H. Idrus Hakimy. The objective of this study is to rework the lemma used in Minangkabau Malay poems that support pure values. The findings of the study found that there are many virtues that are practiced among the Minangkabau Malay community and these virtues are often included in the production of traditional poems. The use of Levelt's 1999 Speech Production Theory is also in line with the needs of the study in studying lemma that supports pure values through the revelation of traditional Minangkabau poems. Next, the data was recorded using a recording device when the informant recited the Minangkabau Malay poems that had been selected. Confirmation from informants was also done for some lemmas that the researcher did not understand. The data and analysis of the study are presented in descriptive form. Analysis of the study was also done according to the Outer Circle and Inner Circle aspects according to Levelt's Theory of Speech Production. Therefore, this study found that there is a difference in the phonetic aspect of speech between the Minangkabau Malay dialect and Bahasa Melayu despite the similarities between the two. The results of this research are expected to spark new ideas in the study of the differences in Minangkabau Malay poetry, especially from a linguistic and cultural point of view.*

**Keywords:** lema, poem, Malay Minangkabau and pure values.

Submitted: 8 Jun 2024

Revised: 30 July 2024

Published: 30 September 2024

---

\* Lecturer at Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 16010 Kelantan, Malaysia.



## Lema Yang Mendukung Nilai Murni Dalam Pantun Melayu Minangkabau Mengikut Teori Level T

Azyantee Binti Mohd Zawawi\*

azyanzarra@gmail.com

### Abstrak

Penyelidikan yang terkait dengan lema yang mendukung nilai murni mengikut teori Penghasilan Pertuturan Levelt (1999), kurang dikaji oleh pengkaji di Malaysia. Dapatkan kajian terdahulu yang ada hanya berkait tentang analisis komunikasi mengikut output lingkaran luar menerusi prinsip Teori Penghasilan Tuturan Levelt pada tahun 2012. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengkaji capaian lema dalam penzahiran pantun masyarakat Melayu Minangkabau. Lema ialah istilah yang digunakan oleh Levelt untuk leksikal. Kaedah analisis teknikal digunakan untuk menganalisis pantun Melayu Minangkabau yang telah dipilih. Pantun Melayu Minangkabau dipilih dan diambil daripada kumpulan Pantun ‘1000 Pepatah-Petiti, Mamang-Bidal, Pantun-Gurindam’ oleh H. Idrus Hakimy. Objektif kajian ini adalah untuk mengolah semula lema yang digunakan dalam pantun Melayu Minangkabau yang mendukung nilai murni. Dapatkan kajian mendapat bahawa banyak nilai murni yang menjadi amalan dalam kalangan masyarakat Melayu Minangkabau dan nilai murni ini banyak dimasukkan dalam penghasilan pantun tradisional. Penggunaan Teori Penghasilan Pertuturan Levelt 1999 juga adalah menepati kehendak kajian dalam mengkaji lema yang mendukung nilai murni menerusi penzahiran pantun tradisi Minangkabau. Seterusnya, data dirakam menggunakan alat rakaman sewaktu informan menzahirkan pantun Melayu Minangkabau yang telah dipilih. Pengesahan daripada informan juga dilakukan bagi beberapa lema yang tidak difahami oleh pengkaji. Data dan analisis kajian dipersembahkan dalam bentuk huraian. Analisis kajian juga turut dilakukan mengikut aspek Lingkaran Luaran dan Lingkaran Dalaman menurut Teori Penghasilan Pertuturan Levelt. Justeru itu, kajian ini mendapat terdapat perbezaan dalam aspek pertuturan fonetik antara dialek Melayu Minangkabau dengan Bahasa Melayu walaupun mempunyai persamaan lema antara keduanya. Hasil penyelidikan ini diharap dapat mencetus idea baru dalam kajian terhadap kelainan pantun Melayu Minangkabau terutamanya dari sudut kebahasaan dan kebudayaan.


**Kata Kunci:** Lema, Pantun, Melayu Minangkabau, Nilai Murni.



## 1.0 Latar Belakang Kajian

Masyarakat Melayu Minangkabau termasuk dalam kelompok Austronesia. Menurut teori migrasi penduduk, masyarakat Melayu Minangkabau mula berhijrah ke tenggara dan barat daya, dan terhenti di kepulauan Asia Tenggara, Selatan dan Madagaskar. Sewaktu penghijrahan tersebut, mereka membawa bersama bahasa, budaya dan keturunan untuk dikenalkan. Menurut Cady (1964), Melayu Minangkabau tergolong dalam kelompok Austronesia merujuk pola aliran penduduk yang sama. Menurut teori tersebut juga, nenek moyang prasejarah masyarakat Minangkabau telah menetap di barat tengah Sumatera pada akhir gelombang migrasi tersebut. Justeru, mereka membawa bersama bahasa Melayu Polynesia dan budaya yang boleh dihubungkaitkan dengan masyarakat Melayu Proto dan Deutro yang terdapat di Tanah Melayu.

Menurut Keraf (1984), Melayu Minangkabau yang tergolong dalam kelompok austronesia termasuk ke dalam Bahasa Hesperonesia dari keluarga Indonesia Barat. Hal yang demikian dapat dilihat menerusi rajah yang dinyatakan di bawah:



Rajah 1.1. : Bahasa Minangkabau dalam Kelompok Austronesia Barat.

(Sumber: Keraf, 1984)



Memetik pendapat Zuraiti (2007), dalam tempoh masa yang begitu lama, pelbagai perubahan telah berlaku dan pelbagai aspek kebudayaan masyarakat Minangkabau diserap masuk dan menjadi amalan oleh masyarakat Melayu di Negeri Sembilan, misalnya terombo adat, pepatah-petithih, bidalan, mamyang, pantun dan gurindam. Setelah wujudnya sistem tulisan, aspek kesenian masyarakat Minangkabau telah mula didokumentasi dalam bentuk buku.

Nilai murni yang menjadi amalan dalam masyarakat Minangkabau banyak digarap dalam puisi masyarakat Minangkabau menerusi penggunaan lema sama ada menerusi pantun adat atau perbilyangan adat. Merujuk kepada proses perkembangan aspek budaya, harus diakui bahawa penerapan nilai budaya asing menerusi pelbagai cara misalnya pengaruh budaya barat. Pengaruh melalui media cetak dan media elektronik contohnya televisyen, radio, iklan, berita dan penerbitan bahan bacaan secara tidak lyangsung membawa pengaruh kepada aspek amalan nilai murni dalam sesuatu masyarakat. Suntikan sikap dan nilai baru memberi kesan dalam hampir keseluruhan aspek kehidupan masyarakat. Hal ini jelas dapat dilihat menerusi perbilyangan adat di bawah:

*Nan elok dipakai,*

*Nan buruk dibuang,*

*Usang-usang diperbaharui,*

*Lapuk-lapuk dikajangi,*

*Melihat contoh yang sudah,*

*Melihat tuah pada yang menang.*

(Norhalim Hj. Ibrahim, 1993: 154

Merujuk kepada perbilyangan adat yang dinyatakan di atas, lema ‘dipakai’ mendukung maksud bahawa sesuatu nilai atau amalan yang baik harus diamalkan. Manakala lema ‘dibuang’ pula membawa maksud sesuatu nilai dan amalan yang tidak baik atau bercanggah dengan ajaran agama perlulah ‘dibuang’ atau disingkirkan. Nilai dan amalan bertentangan dengan norma masyarakat perlu dielakkan bagi memastikan keharmonian hidup bermasyarakat. Manakala lema ‘perbaharui’ membawa maksud nilai atau amalan yang bersesuaian dan boleh ditambah baik masih boleh diamalkan jika bersesuaian dan tidak bertentangan dengan ajaran agama. Hal ini bermakna, dengan adanya pendedahan tentang ajaran Islam, nilai dan amalan terdahulu boleh diperbaharu agar tidak bertentangan dengan ajaran Islam dan seterusnya masih boleh diamalkan dalam kalangan masyarakat.

Oleh yang demikian, tidak hairan jika mutakhir ini kebanyakan ajaran yang terkandung dalam adat pepatih melalui perubahan seiring dengan peredaran zaman. Generasi muda berpegang kepada pepatah bahawa “*nan buruk dibuang*” (yang buruk dibuang), yang bererti adat yang lama yang tidak sesuai dipraktikkan boleh diabaikan. Justeru, pemakain sesuatu adat dan budaya sesuatu masyarakat perlulah sesuai dengan perubahan masa. Jelas bahawa warisan nilai budaya sesuatu masyarakat perlu dilestarikan tetapi perlu bersesuaian dengan perkembangan zaman dan tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Amalan adat juga harus dikekalkan supaya tetap menjadi identiti



tersendiri sesuatu masyarakat. Keadaan ini dapat dilihat menerusi amalan adat yang berbeza antara generasi kini dengan yang terdahulu.

Melihat pula apa yang dimaksudkan dengan pantun atau turut dikenali sebagai puisi Melayu tradisional yang diwarisi sejak zaman berzaman tetapi tidak dapat ditelusuri tarikh sebenar kewujudan pantun. Namun begitu, pantun merupakan salah satu daripada puisi lisan tradisional yang masih kekal dizahirkan hingga sekarang. Merujuk definisi pantun yang diberikan oleh Za'ba (1965), pantun ialah karyangan berangkap (puisi) milik masyarakat Melayu lama. Menurut beliau lagi, pantun digunakan oleh masyarakat tradisional dahulu untuk menggambarkan atau menyampaikan fikiran sedih sayu dan gambaran perasaan yang indah-indah, contohnya nilai berkasih sayang dan pujuk rayu yang lemah lembut antara pasangan kekasih.


Pantun dikatakan telah wujud sejak zaman kerajaan Melaka dan sejarah tentangnya termuat dalam teks Sejarah Melayu, hikayat lama dan termuat dalam Hikayat Asyik kepada Masyuk. Za'ba (1965) menyatakan bahawa perkataan "pantun" digunakan pada peringkat awal dengan maksud "seperti" atau "umpama" tetapi maksudnya diolah sehingga digunakan untuk merujuk kepada bentuk puisi seperti yang terdapat dalam bentuknya sekarang.

Pantun yang dizahirkan dalam masyarakat Melayu Minangkabau terkandung nilai murni yang berfungsi sebagai alat didikan bagi ahli masyarakat. Namun begitu, seiring dengan perkembangan masa hanya sedikit masyarakat Melayu Minangkabau yang masih tahu dan menghayati pantun tradisional Minangkabau. Usaha untuk melestarikan pantun Melayu Minangkabau banyak dijalankan oleh penyelidik terdahulu dan telah didokumentasi kerana golongan yang menghayati seni tradisi ini hanya terhad kepada golongan berusia. Hal yang demikian adalah kerana hanya generasi tua yang memahami dan mahu menghayati pantun.

Darwis Harahap (2005) berpendapat, usaha mendokumentasi buku pantun Minang merupakan satu perkara yang ajaib. Beliau melihat banyak pantun yang mengandungi mesej petunjuk kehidupan dan bersesuaian dengan ajaran agama Islam sedyangkan pantun Minangkabau telah diamalkan sebelum kedatangan Islam. Selari dengan perkembangan waktu dan perubahan zaman, masyarakat Minangkabau mendapat hikmah dengan memeluk agama Islam hingga adat iaitu aturan hidup yang tidak bertulis juga tertuju kepada agama Islam. Peraturan hidup dijelmakan dalam puisi yang berbunyi "*Adaik basandi syarak, syaraka basandi kitabullah*" (Adat bersendi syarak, syarak bersendi Kitabullah). Selain itu, masyarakat Minangkabau terdahulu juga lebih banyak belajar dari alam sebagaimana yang terungkap dalam falsafah adat Minangkabau, "*Alam takambah jadi guru*" (Alam terkembang jadi guru).

Falsafah tersebut melambangkan cara hidup masyarakat Melayu Minangkabau yang menjadikan alam semesta sebagai guru atau teladan. Secara teori, entri leksikal lema menetapkan makna sifat sintaksis perkataan dan leksem menentukan sifat morfonologi. Beza antara lema atau leksem memainkan peranan penting dalam teori berbahasa Levelt (1999). Dalam model akses leksikal yang dikemukakan, lema mengaitkan makna perkataan dan ciri sintaksis. Manakala leksem terdiri daripada morfologi dan fonologi perkataan. Tiada penentuan tentang sebutan lema serta tiada penentuan makna dan sintaksis tentang leksem.





**Rajah 1.2:** Perlambangan homofon

(Sumber: A. Roelofs et al. 1998)

Model yang dikemukakan berpendapat bahawa semasa capaian lema, ciri-ciri sintaksis sesuatu perkataan didapatkan semula dari ingatan, dan parameter abstrak morfosintaksis yang diperlukan bagi kerja pengekodan tatabahasa yang tersedia. Misalnya, lema 'papan hitam' menentukan bahawa perkataan itu ialah kata nama. Lema terdiri daripada kata nama boleh ditetapkan untuk had abstrak morfosintaksis. Lema yang terdiri daripada kata kerja boleh ditetapkan sebagai tambahan kepada penggolongan kata dengan jenis hujah (misalnya, objek lyangsung dan tak lyangsung) yang diambil oleh kata kerja tersebut. Lema terkandung had bebas bagi menetapkan ayat (seperti masa kini atau masa lampau), aspek (sempurna atau tak sempurna), nombor (bentuk tunggal atau jamak), dan orang (pertama, kedua, atau ketiga). Sewaktu proses pengekodan perkataan - bentuk, lema dan penentuan abstrak morfosintaksis digunakan bagi memperoleh kembali morfem dan segmen (bersama-sama membentuk leksem) yang sesuai dari leksikon dalam minda. Contohnya, bagi lema 'papan hitam' serta parameter tunggal, segmen morfem 'papan' dan 'hitam' didapatkan semula. Perkara yang terpenting untuk perbincayangan selanjutnya ialah, pengkaji memberikan perbezaan antara lema (ditakrifkan sebagai unit sintaksis perkataan) dan morfem (ditakrifkan sebagai unit bentuk perkataan). Manakala morfem ialah sesuatu perkataan dan struktur segmen bersama-sama yang membentuk leksemnya.


## 2.0 Metodologi

Dalam usaha untuk menjayakan kajian tentang lema yang mendukung nilai murni dalam pantun Melayu Minangkabau, pengkaji memilih untuk menggunakan Teori Penghasilan Pertuturan Levelt (1999). Dalam teori ini, Levelt telah membahagikan sistem Teori Penghasilan Pertuturan kepada komponen konseptual dan komponen linguistik. Komponen linguistik terdiri daripada dua subsistem. Satu sistem adalah untuk penghasilan pertuturan dan satu untuk pemahaman pertuturan. Sistem penghasilan pertuturan dibahagikan kepada formulator dan artikulator. Formulator berfungsi sebagai penerima pesan pra-lisan dari komponen konseptual lalu menghasilkan rencana fonetik berdasarkan maklumat leksikal dan gramatikal.



Rencana fonetik kemudiannya diubah menjadi ujaran pertuturan oleh artikulator. Semasa proses pemahaman beroperasi, ujaran pertuturan dipetakan oleh komponen pengauditan menjadi rentetan fonetik. Seterusnya sistem pertuturan pemahaman akan mengurai susunan fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik ujaran pertuturan tersebut. Output penguraian diproses lebih lanjut oleh komponen pemantau konsep. Pada dasarnya, model yang diperkenalkan oleh Levelt dibincang dari sudut penghasilan pertuturan. Menurut Levelt (1999), seorang penutur dapat mengurus penghasilan pertuturnya sendiri dan pertuturan orang lain dengan cara yang sama.

Teori ini terdiri daripada dua elemen iaitu Lingkaran luaran dan Lingkaran Dalaman. Membincangkan tentang Lingkaran Luaran dalam Teori Penghasilan Pertuturan Levelt, terdapat tiga komponen penting yang perlu diterangkan, iaitu Pemantau Konsep, Formulasi, dan Artikulator. Lingkaran Dalaman pula terdiri daripada Sistem Pemantauan Pertuturan, Pemantauan Konsep dan Formulasi. Rajah 3.1. menunjukkan kedudukan elemen penting yang terdapat dalam Teori Penghasilan Pertuturan Levelt.



**Rajah 2.1. Teori Penghasilan Pertuturan**

(Sumber: Levelt 1999)



## 2.1 Kaedah Analisis Kandungan

Kaedah analisis tekstual digunakan dalam menganalisis teks pantun Melayu Minangkabau. Memetik pandangan Noor Aina Dani (2011), kaedah analisis kandungan juga merupakan kaedah penyelidikan yang memberi tumpuan terhadap utusan dan kaedah kajian yang digunakan dalam kajian merupakan satu Langkah yang penting dalam menjalankan sesuatu kajian. Pemilihan pantun diambil dari buku kumpulan pantun 1000 Pepatah-Petith, Mamang-Bidal, Pantun-Gurindam oleh H. Idrus Hakim yang mengumpulkan seribu pantun Melayu Minangkabau yang terdiri daripada pelbagai tema pantun. Antaranya ialah tema sosial budaya, ekonomi, politik, hukum-hakam agama, dan cinta. Pantun yang memiliki lema yang sesuai disenaraikan dan dipilih untuk dizahirkan oleh informan. Informan yang terlibat adalah berumur antara 50 tahun dan ke atas. Pemilihan informan ini adalah berdasarkan kriteria tahap penguasaan informan terhadap penggunaan Bahasa Melayu Minangkabau dan tahap pengetahuan informan tentang pantun Melayu Minangkabau.

Seterusnya, pengkaji akan merakam penzahiran pantun yang telah dipilih dan melalui proses transliterasi untuk kesahan tahap penguasaan dan melihat tahap kefahaman informan terhadap pantun yang dizahirkan. Seterusnya, prinsip konteks sosial dan budaya yang terkandung dalam Teori Tekstual digunakan untuk meneliti konteks sosial dan budaya di mana pantun tersebut dicipta dan dizahirkan. Prinsip ini penting untuk meneliti sejauh mana konteks sosial dan budaya mempengaruhi pemahaman dan interpretasi informan seterusnya membawa kepada nilai murni yang terkandung dalam pantun Melayu Minangkabau.

## 3.0 Analisis dan Perbincangan

Pantun 1:

*Bulek air ka pambuluah,*

*Bulek kato ka muafakat,*

*Bulek baru digolekkan,*

*Pipiah baru dilayangkan.*

Terjemahan pantun:

Bulat air ke pembuluh,

Bulat kata ke muafakat,

Bulat baru digolekkan,

Pipih baru dilayangkan.



Perkataan yang digariskan dalam pantun 1 menunjukkan terdapat lema yang mendukung nilai murni dalam pantun tersebut. Lema ‘*bulek*’ (bulat) menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) ialah lengkap keseluruhannya (tidak pecah dll), dan tidak terpecah, tidak berbelah bahagi, serta bersatu-padu. Dalam erti kata lain, ‘*bulek*’ atau bulat dalam konteks masyarakat Minangkabau ialah kesepaduan dan penyatuan antara ahli masyarakat dalam apa-apa jua aspek kehidupan merangkumi ekonomi, sosial dan kepimpinan.

Hal ini kerana, berdasarkan keseluruhan ryangkap pantun, terutamanya pada baris pertama, kedua dan ketiga, lema ‘*bulek*’ kerap digunakan. Kekerapan penggunaan lema ‘*bulek*’ menunjukkan betapa masyarakat Minangkabau menitikberatkan soal permuafakatan dalam kehidupan sehari-hari. Penggunaan lema ‘*bulek*’ dalam leksem pantun di atas membawa nilai murni muafakat. Ini dibuktikan lagi dengan kenyataan H. Idrus Hakimy (1997) bahawa, untuk mewujudkan penyatuan dan kesepaduan dalam hidup, prinsip musyawarah dan permuafakatan adalah sangat penting dalam mencapai persetujuan bersama.

Istilah muafakat pula membawa maksud setuju, seja sekata, perundingan, atau sesuatu yang dipersetujui (dll sepakat) (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Dalam kehidupan bermasyarakat, suatu tindakan haruslah diambil berdasarkan muafakat dan mengikut kesesuaian. Manakala kebenaran dalam setiap tindakan pula berasaskan sekata dan sepakat (H. Idrus Hakimy, 1997). Hal ini juga melibatkan cara berorganisasi dalam masyarakat terutamanya pada pucuk pimpinan. Seorang pemimpin haruslah menggunakan jalan yang benar dalam membuat sesuatu keputusan. Masyarakat Minangkabau terkenal dengan sifatnya yang menekankan kewujudan muafakat dalam setiap tindak-tanduk. Dalam mencapai muafakat, kerapatan harus diadakan dan dalam kerapatan ini para pemimpin harus bermusyawarah semata-mata untuk mencapai kesepakatan (Norhalim Hj. Ibrahim, 1993).

Masyarakat yang bersatu padu dilambangkan seperti susunan sirih yang rapi, diikat ibarat serumpun serai. Seterusnya seciap ibarat ayam, sedencing umpama besi yang menonjolkan kesepakatan dan muafakat (Mohd Rosli Saludin, 2009). Segala tingkah laku anggota dalaman akan mencorakkan masyarakat itu sendiri. Hubungan pantun dengan masyarakat Melayu amat erat. Hal ini adalah kerana, seni pantun merupakan satu cara untuk kumpulan masyarakat yang berpegang teguh kepada adat membentuk sistem nilai. Jelas bahawa pantun merupakan cerminan nilai masyarakat yang bertamadun.

Memetik pendapat Norhalim Hj. Ibrahim (1993), adat Minangkabau sangat mengutamakan konsep muafakat. Ini kerana, orang Minangkabau sejak dahulu lagi mementingkan kehidupan dalam suasana kekeluargaan. Bagi mereka, jika ingin diterima oleh semua ahli masyarakat (seterima) dan jika hendak memberi (seberi) haruslah bermuafakat. Hal ini kerana kepentingan perseorangan akan dikalahkan oleh kepentingan bersama. Justeru, setiap perbuatan masyarakat mewujudkan konsep muafakat dan kerapatan. Oleh itu, jelas bahawa seni pantun berhasil melalui pantulan amalan budaya masyarakat.

Pantun 2:

*Jauh bajalan banyak diliek*

*Lamo hiduik banyak dirasai*

Sayang di anak dilacuti

Sayang nagari ditinggakan



Terjemahan pantun:

Jauh berjalan banyak dilihat,  
Lama hidup banyak dirasai,  
Sayang di anak dipukul,  
Sayang negeri ditinggalkan.

Lema dalam pantun 2 yang membawa nilai ialah ‘sayang’ dan ‘ditinggalkan’. Lema ‘sayang’ menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) ialah mengasihi, mencintai, kasihan, berasa belas, kasih (cinta dll.). Lema ‘sayang’ dalam leksem pantun Minangkabau di atas jelas menunjukkan nilai kasih sayang. Namun begitu, lema ‘sayang’ merujuk pada konteks masyarakat Minangkabau bukan hanya kasih sayang antara pasangan kekasih, tetapi nilai kasih sayang terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Menyayangi diri, keluarga, masyarakat dan negara merupakan nilai murni yang perlu ada dalam diri setiap individu. Nilai kasih sayang amat dituntut dalam kehidupan manusia. Nilai kasih sayang akan mengukuhkan lagi hubungan sesama manusia. Jelaslah bahawa, pantun bukan sekadar menjadi wadah untuk meluahkan perasaan dan menyampaikan cetusan minda semata tetapi, sebagai wadah dalam menyampaikan didikan murni untuk masyarakat.

Nilai murni kasih sayang merupakan amalan dan cara hidup yang turut dianjurkan dalam beberapa siri kempen budi bahasa dan nilai-nilai murni yang dianjurkan oleh pihak kerajaan Malaysia. Sifat-sifat berikut disenaraikan sebagai elemen penting dan harus ada dalam sahsiah diri seseorang. Nilai murni berkasih sayang juga turut dianjurkan dalam agama Islam dan turut dinyatakan secara terang-terangan dalam Al-Quran. Firman Allah SWT menerusi Surah Ar-Rum ayat 20-21 menerangkan tentang nilai kasih sayang. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan Surah Ar-Rum di bawah.

“Dan di antara tanda-tanda (kebesaran)-Nya ialah Dia Menciptakan kamu dari tanah kemudian tiba-tiba kamu (menjadi) manusia yang berkembang biak. Dan dia antara tanda-tanda (kebesaran)-Nya ialah Dia Menciptakan pasangan-pasangan untukmu dari jenismu sendiri, agar kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan Dia Menjadikan di antaramu rasa kasih dan sayang. Sungguh, pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (Kebesaran Allah SWT) bagi kaum yang berfikir.”

(Surah Ar-Rum, ayat: 20-21)

Jelas bahawa nilai murni kasih sayang juga salah satu ajaran yang dianjurkan dalam ajaran agama Islam. Pada hakikatnya, manusia diciptakan Allah SWT dengan rasa dan nilai kasih dan sayang. Nilai murni kasih sayang merupakan tanda ikatan yang akan membentuk sesebuah masyarakat, bangsa mahupun organisasi. Nilai kasih dan sayang bukan hanya melibatkan pasangan kekasih bahkan melibatkan rasa kasih dan sayang ibu bapa kepada anak-anak dan sebaliknya, kasih sayang rakyat kepada pemimpinnya, dan termasuklah kasih sayang dengan makhluk Allah SWT yang lain iaitu alam sekitar, tumbuh-tumbuhan dan binatang. Konteks nilai kasih sayang bukan hanya



melibatkan perasaan pasangan yang bercinta sahaja, dan konteks nilai murni kasih sayang ini tidak seharusnya disempitkan. Hubungan horizontal dan vertikal merupakan dua aspek yang penting dalam nilai kasih sayang yang wujud dalam kalangan manusia (Nawi, 2022). Nilai murni kasih sayang juga dapat mengukuhkan lagi sesuatu ikatan yang terbentuk dalam kalangan masyarakat mahupun sesebuah organisasi. Dan apa yang lebih utama nilai kasih sayang dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim yang wujud.

Selain itu, lema 'ditinggalkan' menerusi pantun Melayu Minangkabau di atas juga mempunyai nilai murni, iaitu berkongsi untung nasib. Namun begitu, merujuk kepada konteks masyarakat Minangkabau pula, lema 'ditinggalkan' ialah nilai murni merantau demi mencari rezeki dan bersama-sama berkongsi untung nasib. Istilah merantau didefinisikan sebagai berjalan, belseyur, atau mengembara (mencari penghidupan dll) (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Masyarakat Minangkabau amat mementingkan aspek merantau dalam kehidupan terutamanya dalam usaha memantapkan aspek ekonomi.

Mohd Rosli Saludin (2007) menyatakan bahawa dalam beberapa bahagian sastera Minangkabau, ada dibayangkan tugas setiap anggota masyarakat sehingga tugas setiap individu. Sekiranya setiap golongan masyarakat itu aktif dalam menjalankan kerja dan tugasnya, pasti mereka akan memperoleh kemajuan dan keselamatan. Anak Minangkabau diwajibkan mengasah budi pekerti, diwajibkan mencari kemajuan dalam segala lapangan kehidupan dan tidak boleh berpangku tangan sahaja. Seperti firman Allah SWT menerusi Surah Al-Mulk ayat 15 iaitu:

“Dia-lah yang Menjadikan bumi untuk kamu yang mudah dijelajahi di segala penjurunya dan makanlah sebagian dari rezeki-Nya. Dan hanya kepada-Nya-lah kamu (kembali setelah) dibayangkitkan.”

(Surah Al-Mulk, Ayat: 15)

Petikan Surah Al-Mulk di atas membuktikan bahawa nilai mengembara yang menjadi amalan masyarakat Melayu Minangkabau selari dengan ajaran yang dianjurkan dalam Islam. Orang Minangkabau merantau bertunjangkan dua aspek utama. Bukan kerana budi pekerti yang diberi penekanan utama tetapi amalan merantau demi memperbaik taraf diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negeri. Masyarakat Minangkabau merantau demi kepentingan ekonomi. Keadaan ini berlaku bukan kerana negerinya yang miskin tetapi didorong oleh rasa untuk berkongsi untung nasib. Kejayaan yang diperoleh akan dibawa pulang ke kampung halaman. Dengan ini masyarakat Minangkabau akan dapat memperbaiki taraf ekonomi mereka. Justeru, nilai murni mengembara juga merupakan salah satu perintah Allah SWT.

Nilai murni merantau bukanlah sesuatu perbuatan yang mendatangkan kerugian kepada masyarakat tetapi membawa kebaikan dan keuntungan kepada masyarakat Minangkabau. Selain itu, aktiviti merantau juga bukan hanya untuk mencari rezeki atau harta semata tetapi juga mencari ilmu pengetahuan dan dibawa pulang ke kampung halaman untuk dikongsikan dan dikembangkan dalam kalangan masyarakat (H. Idrus Hakimy, 1997). Namun begitu, bagi masyarakat Minangkabau, walau secantik dan seelok mana negeri orang, ia tidak dapat menandingi negeri asal tanah tumpah darah. Orang Minangkabau akan tetap menuju dan memuliakan negeri asalnya.

Pantun 3:

*Ka rantau madang di hulu*



*Babuah babungo balun*

*Marantau bujang dahulu*

*Di rumah paguno balun*

Terjemahan pantun:

Ke rantau madang di hulu,

Berbuah berbunga belum,

Merantau bujang dahulu,

Di kampung berguna belum.

Seterusnya, lema yang mendukung nilai dalam pantun dalam data 3 ialah ‘marantau’ dan ‘paguno’. Lema ‘marantau’ atau ‘merantau’ dalam bahasa Melayu membawa maksud yang sama seperti pantun-pantun sebelumnya yang membincangkan tentang aspek merantau dalam kalangan masyarakat Melayu Minangkabau. Merantau atau berhijrah merupakan salah satu aspek penting yang diambil kira dalam kalangan masyarakat Melayu Minangkabau. Dalam usaha memajukan diri dan masyarakat, anak Minangkabau harus berkorban demi kepentingan bersama. Hal ini adalah kerana ia melibatkan maruah atau harga diri sesuatu masyarakat. Aspek merantau juga merupakan suatu usaha yang dilakukan oleh sesuatu masyarakat dalam memperbaik taraf kehidupan.

Memetik pendapat Norazit Selat (2006), maruah merupakan harga diri yang dilihat dan dinilai daripada kaca mata masyarakat umumnya. Konsep maruah berkait rapat dengan konsep nama baik khususnya kaum keluarga. Untuk meningkatkan martabat diri, individu itu mestilah Berjaya dalam hidupnya, khususnya dalam bidang ekonomi. Seseorang individu itu haruslah menjadi ikon kepada masyarakatnya. Justeru, setiap individu haruslah berusaha untuk memperbaik keadaan dan meningkatkan maruah dan harga dirinya. Malah, seseorang manusia juga haruslah mempunyai wawasan dan merancang masa depannya jauh ke hadapan. Kepentingan nilai merantau atau hijrah juga ditekankan dalam ajaran agama Islam. Hal ini dapat dilihat menerusi firman Allah SWT dalam Surah at-Taubah ayat 20-22:

“Orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad di jalan Allah SWT dengan harta benda dan diri mereka, adalah lebih tinggi darjatnya di sisi Allah SWT dan itulah orang-orang yang mendapat kemenangan. Tuhan mereka menggembirakan mereka dengan memberikan rahmat daripadanya, keredhaan dan syurga, mereka memperoleh di dalamnya kesenangan yang kekal. Mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Sesungguhnya di sisi Allah SWT pahala yang besar”.

(Surah at-Taubah, ayat 20-22)



Hijrah daripada sudut bahasa memberi makna keluar atau berpindah dari satu tempat ke tempat lain sama ada negeri, negara atau daerah. Perkataan hijrah berasal daripada perkataan Arab iaitu ‘hajara’ yang membawa maksud menjauhi, meninggalkan atau berpisah. Menurut sejarah Islam juga, hijrah secara khususnya peristiwa perpindahan Rasulullah S.A.W dari Makkah al-Mukarramah ke Madinah al-Munawwarah dan peristiwa hijrah ini membawa kesan yang besar pada perkembangan agama Islam. (Muhammad Rashidi Abdullah, 2011). Hijrah ke arah kebaikan adalah amat dituntut dalam ajaran agama Islam. Hijrah adalah bertujuan untuk memajukan diri dan juga bangsa dan agama agar lebih berkembang dan maju sejajar dengan perkembangan dunia hari ini. Namun begitu, nilai-nilai murni dan didikan agama hendaklah sejajar dengan penghijrahan yang ingin dilakukan agar tidak timbul perkara-perkara negatif.

Selain itu, nilai merantau juga berkaitan dengan anjuran yang terkandung dalam ajaran agama Islam. Sejarah jatuh byangun sesebuah ketamadunan manusia pada masa silam mengakibatkan manusia gagal menjalankan tugas dan menjadi kamil. Seperti mana firman Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat 46 yang berbunyi:

“Tidakkah mereka mengembara di atas muka bumi agar mereka memiliki hati yang boleh digunakan untuk berfikir, atau mempunyai telinga yang dapat mendengar. Sesungguhnya, penglihatan (mata kasar) itu tidaklah buta, tetapi yang buta adalah hati di dalam dada”.

(Surah al-Hajj, ayat: 46)

Petikan dari surah al-Hajj ayat 46 menerusi petikan terjemahan di atas jelas menyentuh tentang peranan insan sebagai pentadbir di muka bumi Allah SWT. Petikan tersebut juga jelas menerangkan dan memberi panduan tentang perkara yang perlu ditunaikan oleh manusia. Justeru, manusia dituntut untuk mengembara di bumi Allah SWT bagi mencari ilmu dan rezeki bagi memakmurkan bumi. Memetik pendapat Shuhairimi Abdullah (2009), jelas bahawa Islam begitu emphasis kepada insan yang berkualiti dengan mendalamai ilmu, berfikiran luhur, mempunyai akhlak terbaik, toleransi, berdaya saing dan sebagainya. Malah, kesemua ciri yang disenaraikan ini adalah sebahagian daripada aspek keperluan dalam melahirkan golongan rabbani yang terdidik dan bertanggungjawab pada agama dan kesedaran akhlak terpuji.

Seterusnya melihat pula pada lema yang mendukung nilai dalam pantun ialah ‘paguno’ atau dalam bahasa Melayu Malaysia ‘berguna’. Lema ‘paguno’ didefinisikan sebagai berfaedah, bermanfaat, mendatangkan faedah atau manfaat. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Nilai yang didukung oleh lema ‘paguno’ ialah nilai murni bertanggungjawab. Sama seperti nilai-nilai murni yang cuba diterapkan menerusi puisi tradisional Melayu Minangkabau iaitu nilai murni bertanggungjawab. Dalam ajaran agama Islam juga turut menekankan sikap bertanggungjawab dalam diri setiap insan. Manusia Allah SWT ciptakan sebagai khalifah yang bertanggungjawab memakmurkan bumi.

Dalam ajaran adat perpatih juga menekankan nilai murni berani dan bertanggungjawab kepada ahli masyarakatnya. Seseorang itu bukan hanya perlu berani tetapi juga perlu bertanggungjawab. Konteks bertanggungjawab dalam masyarakat Melayu Minangkabau bukan hanya berkait dengan tanggungjawab material semata. Hal ini kerana konsep tanggungjawab adalah berbagai-bagai dan bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh anggota masyarakat tersebut. Akan tetapi nilai murni bertanggungjawab dalam soal mempertahankan maruah keluarga dan bangsa. Sifat tanggungjawab ini amat ditekankan dalam ajaran adat perpatih. Hal yang demikian kerana, setiap individu masyarakat merupakan pemimpin kepada masyarakatnya (Norazit Selat, 2006).



Jelas bahawa penekanan terhadap sifat tanggungjawab ini harus diterapkan dan diamalkan oleh setiap individu dan masyarakat tanpa mempedulikan kedudukan sosial mereka. Penerapan nilai murni bertanggungjawab ini akan mengelakkan wujudnya rasa tidak berpuas hati kepada orang lain. Dalam pantun masyarakat adat Perpatih, seorang individu memiliki tanggungjawab kepada tiga generasi, iaitu tanggungjawab yang pertama kepada nenek moyang mereka. Tanggungjawab ini dilakukan dengan menambah harta pusaka, serta memelihara adat secara turun temurun. Kedua pula adalah tanggungjawab terhadap diri sendiri dan generasi masa hadapan. Oleh itu, seseorang individu itu haruslah berbakti kepada dirinya sendiri dan menghindarkan sifat malas. Nilai murni bertanggungjawab ini jelas terkandung dalam penzahiran pantun masyarakat Melayu Minangkabau (Mohd Rosli Saludin, 2007).

Pantun 4:

Indak bulieh bapihak-pihak

Indak bulieh bakatian kiri

Luruih bana dipegang sungguah

Luruih manantang barih adat

Terjemahan pantun:

Tidak boleh berpihak-pihak,

Tidak boleh peryangai buruk,

Lurus benar dipegang sungguh,

Lurus menentang baris adat.

Menganalisis pantun dalam data 4, lema dalam pantun Melayu Minangkabau yang mendukung nilai ialah '*indak*', '*luruih*' dan '*dipegang*'. Merujuk kepada lema '*indak*' atau dalam bahasa Melayu ialah 'tidak' dalam leksim pantun di atas ialah adil. Leksim '*Indak bulieh bapihak-pihak*' dan '*Indak bulieh bakatian kiri*' merujuk kepada sifat adil yang harus ada pada manusia. Lema 'adil' didefinisikan sebagai menyebelahi pihak yang benar (bukan sesuatu, seseorang, tindakan, undang-undang, keputusan dsb), meletakkan sesuatu pada tempat yang betul, sifat (perbuatan, tindakan, dll). (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Sifat adil merupakan sifat terpuji dan amat dituntut dalam kehidupan. Merujuk pada masyarakat Minangkabau, nilai adil ini amat dipentingkan terutamanya dalam soal kepimpinan.

Dalam aspek kepimpinan adat Perpatih masyarakat Minangkabau, nilai keadilan amat ditekankan. Memetik pendapat yang diutarakan Dawam Rahardjo M. (1996), kepimpinan adat Perpatih haruslah bersifat adil,ikhlas, bertanggungjawab dan berani pada tempatnya. Lema adil berasal daripada perkataan arab iaitu 'adl' dan dalam bahasa Inggeris pula 'justice' yang mendukung makna yang sama iaitu adil. Walau bagaimanapun, perkataan adil bukan hanya hadir sendiri tetapi harus disertakan dengan kata 'qist'.



Nilai-nilai Islam jelas tergambar dalam sistem pentadbiran adat Perpatih dan ia merangkumi soal keadilan, kejujuran dan keikhlasan. Sememnyangnya nilai-nilai tersebut amat dititikberatkan dalam melaksanakan sesuatu tugas yang dimanahkan. Ia bukan hanya melibatkan soal wyang ringgit tetapi ia berkenaan amanah dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan bertanggungjawab. Contohnya, seseorang yang telah dilantik menjadi ketua buapak, lembaga dan penghulu dalam satu-satu suku waris, masing-masing mempunyai tugas-tugas tertentu yang harus dilaksanakan dengan rasa tanggungjawab yang tinggi dan adil (Mohd Rosli Saludin, 2007).

Sifat adil berkait rapat dengan aspek kepimpinan iaitu dasar dalam pentadbiran sama ada pada peringkat tertinggi hingga peringkat bawahan. Apabila seseorang individu itu mendapat amanat untuk menjadi seorang pemimpin atau telah menerima kuasa, maka dia haruslah memerintah dengan adil agar tidak berlakunya kezaliman. Dalam pentadbiran adat Perpatih, masyarakat Minangkabau berpegang teguh pada ungkapan ‘Raja Adil Raja Disembah, Raja Zalim Raja Disanggah’ menjadi asas penting. Yang demikian adalah kerana, pemimpin bersifat adil sentiasa dituruti tetapi pemimpin yang zalim akan digulingkan daripada medan pentadbiran (Mohd Rosli Saludin, 2009).

“Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya dan menyuruh kamu jika menetapkan hukum di antara manusia hendaknya kamu menetapkannya dengan adil. Sesungguhnya Allah SWT memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah SWT Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”

(Surah An-Nisa, ayat:58)

Melalui firman Allah SWT dalam surah An-Nisa ayat 58, Maha Suci Allah SWT menyeru umat manusia supaya memberikan hak kepada orang yang berhak (amanat adalah hak orang lain yang diamanahkan kepada seseorang, baik yang berkaitan dengan hak Allah SWT maupun hak hamba). Allah SWT juga menyeru golongan hakim dan pemimpin supaya berlaku adil apabila menetapkan hukum terhadap manusia. Konsep adil atau keadilan dalam agama Islam merupakan aspek terpenting. Tercatat sekitar 56 ayat suci al-Quran yang membicarakan tentang keadilan.

Islam meletakkan nilai keadilan pada kedudukan tertinggi. Tiada bukti keadilan yang begitu kompleks, kecuali dalam ayat al-Quran. Jelas bahawa kedudukan prinsip keadilan dalam Islam begitu dititikberatkan. Ayat di atas meminta orang yang beriman supaya berpegang teguh kepada amanat kuasa yang telah diamanahkan kepada mereka. Orang yang beriman di sini merujuk kepada golongan pemimpin yang diberikan kuasa mentadbir. Bagi membolehkan seseorang pemimpin itu tergolong dalam kalangan beradab, mereka haruslah ikhlas dalam melaksanakan sesuatu tugas. Hal ini adalah kerana, sifat adil amat berkait rapat dengan sifat-sifat atau dasar-dasar pentadbiran (Mohd Rosli Saludin, 2009).

Manakala lema ‘luruih’ atau ‘lurus’ dalam pantun Minangkabau di atas mendukung nilai murni benar. Lema ‘lurus’ didefinisikan sebagai tidak bengkok, lempyang, tegak betul, benar, jujur, tidak bersalah, tepat dan betul (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Melihat pula kepada konteks masyarakat Minangkabau, lema ‘luruih’ dalam pantun Melayu Minangkabau di atas mendukung nilai jujur. Jujur membawa maksud lurus hati, tulus, ikhlas, perihal jujur, keikhlasan dan kelurusian hati.

Sifat jujur dan amanah merupakan nilai murni dalam kehidupan masyarakat yang berpegang kuat pada didikan agama dan adat. Dalam masyarakat adat, terdapat anggota masyarakat berkuasa dan ada anggota masyarakat yang tidak mempunyai kuasa. Anggota yang berkuasa dilarang



'menghimpit' anggota masyarakat yang lemah (Mohd Rosli Saludin, 2007). Manakala anggota masyarakat yang cerdik pandai pula jyanganlah menipu dan mengambil kesempatan ke atas anggota masyarakat yang lemah. Hal ini banyak diberi penekanan dalam seni tradisi masyarakat Minangkabau seperti pantun, bidalan, gurindam, teromba dan pepatah-petith. Anak buah (dalam adat Minangkabau) pula digalakkan supaya taat setia dan memberikan sepenuh kepatuhan kepada Lembaga suku masing-masing. Komunikasi pantun dalam komuniti Melayu Minangkabau memiliki nilai kemasyarakatan yang tinggi. Nilai jati diri Melayu yang menjadi amalan begitu mulia dan berteraskan nilai-nilai murni anjuran Islam.

Seterusnya, lema 'dipegang' pula membawa nilai kesetiaan kepada negara dan pemerintah. Lema dipegang menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) ialah memaut sesuatu dengan tangan, berpaut (pd), saling berpegangan, memaut (menggengam, mencapai) dengan tangan, menangkap (dll). Namun begitu, mengikut konteks masyarakat Melayu Minangkabau lema 'dipegang' dalam pantun di atas mendukung nilai taat setia. Nilai murni taat setia merupakan didikan yang harus diterapkan dalam kehidupan sejak kecil. Nilai taat setia menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) pula membawa maksud tidak berlaku curang, jujur, setia.

Dalam masyarakat Minangkabau yang berpegang teguh pada adat, ahli masyarakat hendaklah taat setia dan memberikan sepenuh kepatuhan kepada Lembaga suku yang berpangkat Ibu Bapak dan Lembaga. Manakala Ibu Bapak pula diadatkan supaya taat setia kepada Penghulu dalam luak masing-masing. Lembaga yang berpangkat Penghulu Adat Luak hendaklah taat setia kepada Undang Naning dan pada akhirnya Undang Naning akan menumpahkan taat setia kepada kepada keadilan. Nilai murni kepatuhan ini jelas diamalkan dalam pentadbiran masyarakat Minangkabau (Mohd Rosli Saludin, 2007).

Begitulah nilai murni kepatuhan dan taat setia yang diterapkan dalam kalangan masyarakat Minangkabau bermula dari masyarakat bawahan hingga golongan atasan. Susunan yang digambarkan dalam masyarakat adat ini sangat indah. Setiap individu dalam masyarakat yang mengamalkan adat perlu meletakkan sepenuh ketaatan dan dipertanggungjawab bagi mengamalkan kesetiaan serta patuh kepada pemimpin. Bukan hanya dalam organisasi politik sahaja malah, pemimpin sesebuah keluarga juga. Hal ini kerana bidang kepimpinan bermula daripada institusi kekeluargaan , adat, agama hingga ke bidang organisasi serta pemerintahan tertinggi (Mohd Rosli Saludin, 2009).

Pantun 5:

*Dek ribuik rabah hilalang*

*Dipayo padi satyangkai*

*Iduik nan usah mangupalang*

*Tak kayo berani pakai*

Terjemahan pantun:

Kerana ribut rebah lalang,



Di paya padi setyangkai,  
Hidup yang usah alang kepalang,  
Tak kaya berani pakai.

Seterusnya, lema yang mendukung nilai dalam pantun 5 di atas terdapat dalam baris keempat pantun. Lema 'berani' menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) membawa maksud gagah, tidak takut, tabah menghadapi bahaya (kesulitan dll). Menurut pendapat Hashim Musa (2008), aspek etika yang terpenting dalam mewujudkan dan menyubur sifat yang membentuk nilai murni dalam diri manusia dan seluruh masyarakat di Malaysia antaranya ialah sifat berani. Beliau mendefinisikan berani sebagai tabah, kuat dan tidak takut mendepani cabaran. Selain berpegang teguh dengan prinsip dalam membuat keputusan, dan melakukan tindakan yang betul dan hak, senantiasa sedia mempertahan kebenaran dengan sepenuh hati dan beramanah.

Merujuk pula konteks masyarakat Melayu Minangkabau, nilai berani terangkum dalam semua aspek kehidupan mereka. Dalam segenap lapangan kehidupan masyarakat Melayu Minangkabau, nilai keberanian diperlukan untuk menjadikan seseorang individu itu lebih maju dan berdaya saing. Nilai murni berani ini juga amat diperlukan bagi memastikan setiap manusia itu mempunyai wawasan dalam kehidupan. Hal ini kerana, dengan cabaran yang bakal diharungi oleh setiap manusia dalam mencari kejayaan hidup, pelbagai cabaran dan dugaan harus ditempuhi. Begitu juga dalam hal ehwal ekonomi, pendidikan, agama, dan sosial.

Bagi masyarakat Melayu Minangkabau, mereka juga haruslah bersedia dengan setiap risiko yang bakal mereka hadapi dengan setiap tindakan yang mereka ambil. Dengan berpegang kuat kepada nilai-nilai murni, sudah pasti seluruh rakyat Malaysia akan mampu menangani cabaran persekitaran global yang kian mencabar tanpa mengorbankan jati diri dan warisan budaya. Justeru, situasi ini membuktikan bahawa nilai keberanian dalam meneruskan kehidupan adalah amat penting.

#### 4.0 Kesimpulan

Unsur-unsur nilai murni yang dirincikan dalam kajian merupakan asas nilai murni yang bersifat menyeluruh. Pantun menjadi wadah utama masyarakat terdahulu dalam usaha menyemai, memupuk dan membangunkan keutuhan etika dan akhlak untuk membina keagungan sesebuah tamadun bangsa. Keutuhan etika dan akhlak adalah penting dalam setiap lapisan masyarakat demi membentuk kehidupan yang sejahtera. Masyarakat yang memiliki ketinggian nilai murni dapat mengurus dan melaksanakan segala tugas dan ilmu pengetahuan yang dimiliki dengan jaya. Jelas bahawa pengukuhan nilai murni dan kehidupan yang beretika penting terutamanya dalam mendepani cabaran mutakhir ini. Masyarakat dunia kini menghadapi cabaran besar dunia kini iaitu globalisme peradaban barat yang membawa pelbagai bentuk ideologi baru yang kian menghakis nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat. Antaranya ialah ekstremsme, hinduisme, terrorisme dan sebagainya. Justeru itu, masyarakat perlu terus dididik dan disemai dengan nilai-nilai murni agar terus mendepani zaman dengan ketamadunan yang tinggi tanpa meninggalkan aspek nilai murni dalam diri. maka, usaha menyemai dan memupuk nilai murni dalam kalangan masyarakat memerlukan perancangan dan pelaksanaan yang praktikal. Kesimpulannya, dengan terhasilnya kajian ini diharapkan dapat memberi pencerahan kepada khalayak tentang fungsi pantun Melayu Minangkabau. Bukan hanya melihat kepada makna keseluruhan pantun tetapi setiap lema juga mendukung makna tertentu. Pantun Melayu Minangkabau membawa kebudayaannya yang tersendiri dan membentuk aturan hidup masyarakat Melayu Minangkabau.



Oleh itu, dengan terhasilnya kajian ini diharapkan boleh memberi dimensi baru terhadap penyelidikan ilmu bahasa dan budaya.

## Rujukan

- Cady, J. F. (1964). *Southeast Asia: Its Historical Development*. New York: Mc Graw Hill Book Company.
- Gani, E. (2012). Kajian Terhadap Landasan Filosofi Pantun Minangkabau. *Komposisi: Jurnal Pendidikan Bahasa, Sastra, Dan Seni*, 10(1).
- H. Idrus Hakimy. (1988). 1000 Pepatah-Petith Mamang-Bidal Pantun-Gurindam. Bandung: Penerbit Remadja Cv Bandung-1988.
- H Darwis Sn Sutan Sati. (2005). *Keajaiban Pantun Minang: Arti Dan Tafsir*. Bogor: Ar Rahmah.
- Hashim Haji Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad Ke-21*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Rosli Saludin. (2007). *Nilai-Nilai Islam Dalam Teromba*. Penyang: Goal Intelligent Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Rosli Saludin. (2009). *Teromba Sebagai Alat Komunikasi Dalam Kepimpinan Adat Perpatih*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Nawi, N. H. M. (2022). Modul Falsafah Dan Isu Semasa. Penerbit UMK, Universiti Malaysia Kelantan.
- Norazit Selat. (2006). *Perbilyangan Adat Sebagai Pembentuk Jati Diri Melayu* Dlm. Rogayah A. H. & Jumaah I. Pandangan Semesta Melayu: Pantun (Hlm. 35-55). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Saputra, R. (2017). *Pantun Minangkabau Ditinjau Dari Teori Speech Act John Lyangshaw Austin* (Doctoral Dissertation, Universitas Gadjah Mada).
- Sisvareza, D. A. (2013). *Ajaran Islam Pada Pantun Adat Minangkabau* (Doctoral Dissertation, Universitas Negeri Jakarta).
- Shuhairimi Abdullah. (2009). *Dinamisme Nilai-Nilai Murni Menurut Perspektif Islam*. Kyangar: Universiti Malaysia Perlis.
- Zuraiti. (2007). *Undang-Undang Minangkabau Dalam Perspektif Ulama Sufi*. Padang: Fakultas Sastra Universitas Andalas

